



## NOTIS MAKLUMAN

### PROSEDUR PERMOHONAN PINDAAN SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN ATAU PEMBATALAN PEMBIAYAAN SELEPAS KELULUSAN

Berkuatkuasa 11 Julai 2021, **permohonan pindaan/ pembatalan setelah pengesahan penerimaan tawaran dibuat secara atas talian** adalah tertakluk kepada prosedur di **Jadual 1** di bawah. Permohonan pindaan/ pembatalan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

- i. permohonan pindaan surat tawaran pembiayaan.
- ii. permohonan pembatalan pembiayaan selepas kelulusan (pengeluaran bayaran pembiayaan belum dilaksanakan).

**Jadual 1: Prosedur Permohonan Pindaan Surat Tawaran Pembiayaan atau Pembatalan Pembiayaan**

Tarikh Kelulusan Pembiayaan	Prosedur
<b>Sebelum 11 Julai 2021</b>	Permohonan dikemukakan melalui surat rasmi dan dokumen sokongan kepada Jabatan Proses, LPPSA <b>secara serahan sendiri di Kaunter Pusat atau melalui pos.</b>
<b>Pada dan selepas 11 Julai 2021</b>	Permohonan dikemukakan <b>secara atas talian (online)</b> melalui <b>peguam dokumentasi yang dilantik</b> menggunakan <b>sistem Juris Credit</b> dengan <b>memuat naik</b> surat rasmi dan dokumen sokongan kepada Jabatan Proses, LPPSA.  Nota: <i>Solicitor Guidelines For Juris Credit System (updated July 2021)</i> boleh dirujuk di halaman log masuk sistem Juris Credit.

Prosedur baharu ini selaras dengan penambahbaikan sistem pembiayaan perumahan LPPSA bagi melancarkan permohonan dan kelulusan berkaitan. Justeru, pelanggan/ peguam hendaklah mematuhi ketetapan di atas bagi mengelak permohonan tidak diproses.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

**19 OGOS 2021**